

11 FEB 2001

Mahathir-IPF

MAHATHIR DUKACITA DENGAN KEPUTUSAN IPF

KOTA KINABALU, 11 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau merasa dukacita dengan keputusan Barisan Progresif India Se-Malaysia (IPF) menolak tawaran MIC dan Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) untuk menyertai mereka.

"Saya dukacita kerana kita menghadapi masalah tidak dapat menerima IPF ke dalam Barisan Nasional (BN) sedangkan kita anggap IPF sebagai penyokong kuat BN," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan anggota Umno peringkat cawangan Gaya dan Tanjung Aru, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan perwakilan IPF menolak tawaran MIC dan PPP pada perhimpunan agungnya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur, hari ini.

Daripada 2,950 orang perwakilan, hanya dua orang bersetuju, masing-masing satu undi untuk MIC dan PPP manakala terdapat dua undi rosak.

Keputusan itu diumumkan oleh naib presiden IPF Dr Harcharan Singh pada kira-kira pukul 4.20 petang.

"Saya mengharapkan mereka pilih sama ada MIC atau PPP...tetapi nampak pendirian mereka itu agak disokong oleh majoriti daripada ahli IPF.

"Cara yang mudah untuk menyertai BN ialah dengan MIC atau PPP tetapi nampak mereka tidak berminat...jadi kita tidak dapat buat apa-apa," katanya.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), bagaimanapun berharap anggota IPF akan terus menyokong perjuangan BN.

"Saya harap mereka sokong BN daripada luar," katanya.

Apabila ditanya sama ada IPF akan diterima menganggotai BN, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak boleh kerana kita perlu mendapatkan persetujuan ramai."

Mengenai perjumpaan dengan anggota Umno Bahagian Gaya dan Bahagian Tanjung Aru, Dr Mahathir berkata beliau telah memberi penjelasan kepada mereka tentang pentingnya kerjasama dan sokongan kepada calon dari parti lain.

"Memandangkan bahawa Umno Sabah tidak ada yang berpengalaman dengan Umno terutama di waktu Umno ditubuhkan maka saya gunakan kesempatan ini untuk menjelaskan prinsip perjuangan Umno dan cara kita boleh mencapai kejayaan," katanya.

Beliau berkata anggota Umno dari kedua-dua bahagian itu turut membangkitkan masalah tertentu termasuk kekurangan bekalan elektrik dan air pada sesi dialog itu.

"Kita berbincang dan kita mencari jalan penyelesaian," katanya.

Ditanya sama ada soal pemilihan parti peringkat cawangan dan bahagian Mac ini turut dibincangkan, Dr Mahathir berkata: "Tidak ada secara langsung, saya cuma beri peringatan jika ada pertandingan, pihak yang kalah mesti sokong pihak yang menang."

Ditanya sama ada beliau bersedia berjumpa dengan pemimpin Badan Bertindak Melayu (BBM) yang mengadakan perhimpunan baru-baru ini, beliau berkata: "Jika mereka ingin berjumpa saya, saya ingin tahu sebabnya...kita tidak mahu ia dijadikan seolah-olah kita akan bergaduh dengan orang Cina atau sesuatu seperti itu."

-- BERNAMA

NT AKD